

17 MAR 1997

Mahathir-Begunan

KEPUTUSAN P/RAYA TUNJUK PENDAPAT RAMAI TERHADAP KEPUTUSAN MAHKAMAH

KUANTAN, 17 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata keputusan pilihan raya kecil negeri Sarawak kawasan Bukit Begunan yang dimenangi calon Barisan Nasional (BN) dengan majoriti lebih besar menunjukkan pendapat ramai bukan sahaja bagi calon itu tetapi juga terhadap keputusan mahkamah yang membatalkan keputusan pilihan raya kawasan itu dahulu.

Perdana Menteri berkata, perbicaraan dan kata putus ada pada mahkamah tetapi beliau berpendapat keputusan itu dibuat dengan asas yang tidak begitu tepat kerana hakim sendiri membuat kenyataan bahawa calon dan wakil tidak terlibat.

"Hanya yang didapati ialah ada duit bertukar tangan...sama ada untuk calon itu atau untuk calon parti lawan kita tak tahu," katanya pada persidangan berita selepas melancarkan Malaysia Electric Corporation Bhd (MEC) dan Bandar MEC di Gambang dekat sini.

Calon BN, Mong anak Dagang menangi semula pilihan raya kecil itu semalam dengan majoriti lebih besar 4,615 undi, mengalahkan Jack anak Bujang yang bertanding atas tiket Bebas.

Pilihan raya itu diadakan berikutan keputusan Mahkamah Tinggi Kuching pada 13 Feb lepas yang mengisytiharkan pilihan raya bagi kawasan itu tahun lepas batal dan tidak sah kerana mendapati adanya unsur rasuah secara umum.

Hakim Ian Chin dari Mahkamah Tinggi Sabah membuat keputusan itu selepas mahkamah menerima petisyen yang dikemukakan oleh calon Bebas bagi kawasan berkenaan pada pilihan raya umum tahun lepas, Donald anak Lawan.

Dr Mahathir berkata beliau khuatir kalau-kalau seseorang dengan sengaja di dalam pilihan raya menghulur wang dan kemudian mengambil gambar dan menggunakannya sebagai bukti adanya rasuah.

"Teruklah kita, saya pun tak boleh menang," katanya.

Beliau berkata hanya kerana ada orang membayar duit kepada orang lain, calon yang akan rugi.

"Saya ingat apabila ada pertandingan nanti, bila kita tak suka calon itu dan kita tahu calon itu nak menang, kita mula hulurkan wang dan mengambil gambar dan kemudian menggunakannya sebagai bukti rasuah...teruklah."

Sementara itu di KUALA LUMPUR, Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) Datuk Leo Moggie berasa gembira dengan kemenangan itu yang menurut beliau membuktikan penduduk Bukit Begunan menyokong politik pembangunan yang diamalkan BN.

Moggie juga berbangga kerana walaupun jumlah mereka yang keluar mengundi berkurangan, majoriti undi yang diperolehi calon BN adalah lebih besar berbanding pada pilihan raya negeri tahun lepas.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas melancarkan ulangtahun ke-10 penswastaan perkhidmatan telekomunikasi negara. -- BERNAMA

AZ MAM PR NMO